



BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 03 : MEI & JUN 2022



PERMULAAN ATLET UTHM KE ASEAN UNIVERSITY GAMES (AUG) 2022

Selamat maju jaya diucapkan kepada atlet Silat UTHM, Putra Syaid Hidayatullah & Nur Adilah Zamri yang menyertai Latihan Pusat & Pemilihan Kem AUG Fasa 1 di Sepang, Selangor dari 16 hingga 19 Mei 2022. Selain itu, atlet Futsal UTHM, Muhammad Arif Roslan juga terpilih menjalani Kem Latihan Pusat Fasa 2 sebagai persediaan ke AUG 2022 yang berlangsung pada 13 hingga 22 Mei di Semenyih, Selangor.

PASUKAN KABBADI MUNCUL NAIB JUARA KEJOHANAN KABADDI ANTARA IPTA 2022



Pada 21 Mei 2022 telah berlangsungnya Program YUTTAM 1.0 Kejohanan Kabaddi Antara IPTA 2022 di Kompleks Belia Johor. Kejohanan anjuran Persatuan Mahasiswa Hindu UTM JB Bersama Persatuan Kabaddi Johor ini telah disertai oleh 8 IPTA yang terdiri daripada 80 orang peserta.

Sebanyak dua kategori telah dipertandingkan di dalam kejohanan ini iaitu Kategori Lelaki dan Wanita. Seramai 10 orang pelajar mewakili Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang terdiri dari UTHM Stallions telah menyertai kejohanan ini dan mempamerkan prestasi pasukan yang terbaik seterusnya berjaya mendapat Naib Johan bagi edisi ini.

Atlet yang terlibat adalah :

1. THAMENDARAN A/L GUNARATNAM - FKEE
2. PHRAVIN RAJ A/L K. SELVARAJOO - FKMP
3. HARVIN RAJ A/L SELVARAJU - FKMP
4. YOGENDRAN A/L SUBRAMANI - FKMP
5. DINESH A/L SELVARAJU - PPD
6. KAILASHA RAO A/L SUBAS RAO - PPD
7. THARMIGAN RAJ A/L NADARASON - PPD
8. NAVINN A/L VIJIYAKUMAR - FKMP
9. DEVARAJ A/L KALIANNAN - FKMP
10. SHAKKRISANANTHAN PIILLAI A/L APPOOPILLAI - PPD

21 Mei 2022

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINGEN UTHM KE KEJOHANAN CROSS BORDER MAJLIS SUKAN IPT 2022

Telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Bendera dan Amanat Pengarah Pusat Sukan Universiti ke Kejohanan Cross Border Majlis Sukan IPT 2022. Majlis telah disertai oleh staf-staf di PSU, barisan pengurusan pasukan dan atlet terlibat. Kejohanan Cross Border Majlis Sukan IPT 2022 ini berlangsung pada 26 hingga 29 Mei 2022.

MAKLUMAT KEJOHANAN CROSS BORDER MAJLIS SUKAN IPT 2022

1. Kejohanan Sukan Raket IPT 2022 yang akan melibatkan 4 acara sukan melibatkan Sukan Ping Pong dan Tenis diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) manakala Sukan Badminton dan Skuasy diadakan di Universiti Malaya (UM).
2. Kejohanan Lawn Bowls IPT 2022 diadakan di Seremban yang dikelolakan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
3. Karnival Sepak Takraw IPT 2022 diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

MAKLUMAT LIGA FUTSAL IPT FASA 2

1. Liga Futsal IPT Fasa 2 pula berlangsung pada 27 - 30 2022 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan, Pahang.



KELAS RENANG UTHM 2022 BATCH 1

Selesai sudah Kelas Renang UTHM 2022 (Batch 1) Sesi 1 bagi ketiga-tiga kategori iaitu Kanak-Kanak, Dewasa Lelaki dan Dewasa Wanita. Kelas renang ini merupakan inisiatif PSU dalam merencanakan aktiviti pembangunan sukan air di Kompleks Renang UTHM sekaligus memberi pendedahan kepada warga UTHM dan orang luar berkaitan asas renang.



28 Mei 2022



KURSUS ASAS KEJURULATIHAN FLOORBALL SEKOLAH- SEKOLAH NEGERI JOHOR

Telah berlangsungnya Kursus Asas Kejurulatihan Floorball Sekolah-Sekolah Negeri Johor 2022 Anjuran Persatuan Floorball Negeri Johor dan UTHM. Penganjuran ini telah berjaya mendapat penyertaan daripada 10 Daerah, 50 Sekolah dengan penglibatan seramai 80 orang guru di Negeri Johor. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan Majlis Sukan Negeri Johor atas sokongan yang kuat bagi penganjuran ini.



29 Mei 2022

MAJLIS MERAIKAN WIRAWATI NEGARA

Pn. Farhawahidah Ahmad Puad dan Pn. Tuan Noraini Tuan Mohd mewakili Pusat Sukan Universiti ke Majlis Meraikan Wirawati Negara, Nurul Syasya Nadiah Mohd Ariffin yang telah memenangi pingat Emas Sea Games Vietnam 2021 dalam acara 10m Air Pistol Wanita dan Pemegang Rekod Baru Sukan Menembak. Tahniah diucapkan kepada Nurul Syasya atas kejayaan dan pencapaian yang amat membanggakan negara ini. Terima kasih diucapkan kepada Persatuan Menembak Johor atas jemputan ini. Untuk makluman, 3 orang atlet menembak UTHM kini berada dalam latihan persediaan SUKMA Johor.

HUDZRIY BIN JASLAN (FKAAB)
NURUL HERYANI BT MOHD ARIFIN (FKAAB)
MUHAMMAD AMIRUL HAZIQ BIN NORHAN (FSKTM)

30 Mei 2022



PERJALANAN PASUKAN FUTSAL LELAKI UTHM MASIH BELUM BERAKHIR

KEPUTUSAN LIGA SUPER FUTSAL IPT FASA 2

UTHM (6) v UNIKL (4)

UTHM (1) v UM (5)

UTHM (2) v UITM (4)

UTHM (3) v KPTM BANGI (2)

Pasukan Futsal Lelaki mencatatkan 2 kemenangan & 2 kekalahan dalam perlawanan Liga Super Futsal IPT (LSFIPT) Fasa 2 yang berlangsung pada 25 hingga 30 Jun 2022 di UIAM Kuantan.

Sasaran untuk berada dikelompok 4 pasukan terbaik Liga Super akan diteruskan pada Fasa 3 LSFIPT yang akan bersambung pada 08 hingga 13 Jun 2022 di UniSZA.



31 Mei 2022

LATIHAN KECERGASAN DI AIR DAN PEMANTAPAN KEMAHIRAN MENYELAMAT

Latihan kecergasan di air dan pemantapan kemahiran menyelamat bagi staf Pusat Sukan Universiti diadakan pada setiap hari khamis. Latihan ini merupakan inisiatif bagi memastikan tahap kecergasan staf berada pada tahap terbaik dan bersedia memenuhi tugas dan tanggungjawab bagi pengoperasian di Kompleks Renang UTHM. Latihan ini telah dikendalikan oleh En. Zulkifli yang merupakan Penyelamat di Pusat Sukan Universiti.



2 Jun 2022



KEJAYAAN ATLET BOLA BALING UTHM DI SARAWAK

Tahniah diucapkan kepada dua orang atlet bola baling UTHM, Muhammad Haziq Irfan bin Baharin (FKMP) dan Khairul Amirul Azim bin Abdullah (FKMP) yang mewakili pasukan Bola Baling Sarawak kerana berjaya muncul sebagai Johan Kategori Lelaki di Kejohanan Bola Baling Terbuka Sarawak bertempat di Stadium Perpaduan Petra Jaya, Kuching, Sarawak pada 04 hingga 06 Jun 2022.

9 Jun 2022

PEMBENTANGAN PROJEK LAMAN WEB KOMPLEKS RENANG UTHM

Pembentangan Projek Produksi Multimedia Kumpulan Fassa Production (FPTV) berkaitan Promosi Kompleks Renang UTHM. Tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam penghasilan projek tersebut.



12 Jun 2022



ARMADA KEKAL DI LIGA SUPER FUTSAL IPT 2023

Keputusan Liga Super Futsal IPT Fasa 3
2022 :

- UTHM (3) v UNMC (4)
- UTHM (1) v POLI MSIA (3)
- UTHM (3) v UKM (1)
- UTHM (3) v UNIKL (0)
- UTHM (1) v UM (4)

Selepas berakhir fasa 3, Pasukan Futsal Lelaki UTHM berada dikedudukan keenam sekaligus kekal beraksi di Liga Super 2023. Tahniah kepada pasukan Armada kerana berjaya mengekalkan momentum yang terbaik.



13 Jun 2022

KEJOHANAN OLAHRAGA MAKSAK MALAYSIA 2022



Tahniah diucapkan kepada 5 orang atlet staf dari sukan olahraga yang telah terpilih mewakili Negeri Johor dalam Kejuhan Olahraga MAKSAK Malaysia 2022 yang akan berlangsung pada 16 - 19 Jun 2022 bertempat di Stadium Olahraga Mount Austin, Johor Bahru.

Atlet staf yang terpilih adalah:

1. Pn. Suhailah Muhammad Philip (HEP)
2. Ts. Dr. Mahyuzie bin Jenal (FKEE)
3. Pn. Ismahani binti Shamsudin (PTM)
4. Prof. Madya Dr. Tan Lai Wai (FKAAB)
5. Noradzuana binti Samiran (Unit Audit Dalam)

Kontinjen Negeri Johor kini sedang menjalani latihan pusat yang telah bermula pada 13 Jun dan akan berakhir pada 15 Jun sebelum meneruskan perjuangan ke kejuhan sebenar. Selamat bertanding diucapkan kepada para atlet. Moga kemenangan menjadi milik Johor Darul Takzim!!!

MAJLIS UNDIAN RASMI KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA 2022

UTHM diwakili oleh Pn. Farhawahidah Ahmad Puad dan Pn. Tuan Noraini Tuan Mohd telah menghadiri Majlis Undian Rasmi Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia yang berlangsung di Mini Auditorium, Bangunan TNCPI UPM. Majlis undian telah dimulakan dengan ucapan aluan daripada Prof. Madya Dr. Tajularipin bin Sulaiman, Pengarah Akademi Sukan UPM dan diteruskan dengan undian rasmi. Moga penyertaan UTHM dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia pada kali ini akan memberikan saingan yang hebat seterusnya menjalinkan ukhuwah sesama rakan-rakan IPT Malaysia. SUKUM bakal berlangsung pada 16 hingga 24 September 2022 bertempat di Universiti Putra Malaysia dengan mempertandingkan 18 acara sukan.



14 Jun 2022

KEM LATIHAN DAN PERTANDINGAN PASUKAN KANU SUKMA JOHOR 2022 DI TISZAFURED, HUNGARY



Sebagai persediaan menjelang SUKMA 2022 yang bakal berlangsung akhir September 2022 ini, Pasukan Kanu Johor telah dihantar bagi menjalani Latihan dan Kejohanan Kanu di Tiszafured, Hungary pada 07 hingga 29 Jun 2022 bersama City-Gas Canoe and Kayak Sport Hungary dan Majlis Sukan Negeri Johor. Tahniah diucapkan kepada 2 orang atlet Kanu UTHM yang telah terpilih mengikut kem latihan dan pertandingan ini iaitu Mirza Adli Bin Shahrariz (PPD) dan Norkiasah binti Zaenuddin (FPTV). Terima kasih juga diucapkan kepada Persatuan Kanu Johor dan Majlis Sukan Negeri Johor yang telah menyediakan platform ini kepada para atlet bagi memantapkan lagi prestasi pasukan seterusnya mencipta pingat di SUKMA 2022 nanti. Moga pembangunan sukan di Negeri Johor Darul Takzim terus maju ke arah menghasilkan atlet bertaraf dunia.

15 Jun 2022

SUNTIKAN SEMANGAT DARIPADA YBRS. TNC HEPA UTHM

Terima kasih diucapkan kepada YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) kerana telah sudi meluangkan masa bersama-sama dengan Pasukan Futsal Wanita UTHM yang kini sedang meneruskan perjuangan dalam Karnival Futsal IPT Wanita 2022 di Terengganu.

Suntikan semangat dan kata-kata motivasi yang diberikan akan dijadikan sebagai pemangkin bagi mencapai kejayaan seterusnya mengharumkan nama UTHM dalam arena sukan.



16 Jun 2022



MESYUARAT AKTIVITI MOU BERSAMA PERSATUAN FLOORBALL NEGERI JOHOR DAN LAWATAN TAPAK HPTP

Telah diadakan satu Mesyuarat Aktiviti MoU bersama Persatuan Floorball Negeri Johor dan Lawatan Tapak Kejohanan di Hub Pendidikan Tinggi Pagoh. Lawatan adalah bertujuan untuk meninjau fasiliti yang bakal digunakan bagi penganjuran National Junior Floorball Championship 2022 yang dijangka berlangsung pada Ogos 2022 nanti.



20 Jun 2022

PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM

Program Perhimpunan Kecergasan UTHM anjuran Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi ini telah berjaya dijalankan pada 21 Jun 2022 bertemakan UTHM Fun Walk. Program dimulakan dengan senaman regangan sebelum para peserta memulakan aktiviti berjalan di sekitar Kampus Parit Raja. Tahniah diucapkan kepada para peserta yang telah menjayakan program ini. Berjumpa lagi kita pada edisi yang akan datang.

21 Jun 2022



SUKAN MUHIBBAH PSU

Sukan Muhibbah PSU telah diadakan pada 23 Jun 2022 bertempat di Gelanggang Tenis UTHM. Sesi ini merupakan inisiatif ke arah mewujudkan gaya hidup sihat serta merapatkan ukhuwah sesama rakan sekerja. Pada kali ini, staf telah didedahkan dengan permainan sukan tenis dan perlawanan dalam kumpulan telah dijalankan sebagai kemuncak aktiviti.

23 Jun 2022

STEP-UP UTHM BERJAYA MERANGKUL PINGAT DI MUAR

Pada 25 Jun 2022, Pasukan Futsal Wanita UTHM telah menghantar dua penyertaan dalam Kejohanan Futsal Wanita Malaysia Sports League (MSL) Peringkat Daerah Muar, Johor.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Pasukan Futsal Wanita UTHM kerana telah dinobatkan sebagai Naib Juara dan Tempat Ke-3 dalam Kejohanan Futsal Wanita Malaysia Sports League (MSL) Peringkat Daerah Muar ini. Kejohanan ini telah berlangsung dengan jayanya di Gelanggang Futsal Hab Pendidikan Tinggi Pagoh.



26 Jun 2022

PASUKAN SEPAK TAKRAW UTHM PEROLEH KEJAYAAN DI TANGKAK



Sekalung tahniah diucapkan kepada Pasukan UTHM Tigers Sepak Takraw kerana dinobatkan sebagai Naib Juara (UTHM C), Tempat Ke Tiga (UTHM A) Dan Tempat Ke Lima (UTHM B) di Kejohanan Sepak Takraw Jemputan Parit Pulai, Tangkak, Johor pada 24 Jun 2022. Kejohanan ini disertai sebagai persiapan pasukan mencari gandingan yang mantap ke Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 UPSI yang bakal berlangsung pada 12 Hingga 21 Ogos 2022 nanti.

26 Jun 2022

ATLET SEPAK TAKRAW MUNCUL NAIB JUARA DI MUAR

Sekalung tahniah diucapkan kepada Muhammad Shahril Aizat bin Ibrahim (PPD) bersama Muhammad Afnan Hakim bin Amran dan Muhammad Faiz bin Musa (Pelajar Alumni UTHM) kerana dinobatkan sebagai Naib Juara Kejohanan Sepak Takraw Malaysia Sports League (MSL) Peringkat Daerah Muar, Johor pada 25 Jun 2022 (Sabtu) di Kompleks Sukan MSN Pagoh, Muar.



26 Jun 2022



PROGRAM KECERGASAN BERSAMA STAF PTTA

Telah diadakan Program Kecergasan Bersama Staf PTTA yang berlangsung di Ruang Legar Dewan Sultan Ibrahim. Program ini adalah jempunan daripada PTTA sebagai salah satu inisiatif memastikan staf-staf sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan cergas.



29 Jun 2022

SLOT PERKONGSIAN ILMU PSU

Slot perkongsian ilmu berkaitan urutan sukan ini telah disampaikan oleh pelajar praktikal Pusat Sukan Universiti iaitu Saudara Muhammad Ariff Danial yang merupakan pelajar daripada Universiti Teknologi Mara Seremban. Dalam slot ini, para peserta telah didedahkan dengan teknik-teknik asas dalam urutan sukan. Perkongsian ilmu ini bertujuan mendedahkan kepada warga Pusat Sukan Universiti berkaitan asas dan kebaikan urutan sukan.



30 Jun 2022



TAKLIMAT DAN AMALI WORLD ATHLETICS CERTIFICATION SURVEY

Staf Pusat Sukan Universiti telah mengikuti taklimat dan amali bagi World Athletics Certification Survey di bawah kendalian Active Hydro Control Sdn. Bhd bertempat di Stadium UTHM.

Dalam sesi ini, para staf telah mempelajari pengukuran yang perlu dilakukan dalam proses mendapatkan pengiktirafan IAAF.

30 Jun 2022

POSTER KELUARAN PUSAT SUKAN UNIVERSITI BAGI BULAN MEI-JUN 2022

2022
SELAMAT HARI RAYA
Aidilfitri
buat seluruh umat Islam
ikhlas daripada
Pusat Sukan Universiti
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tangan Dihulur Maaf Dipinta,
Erat Hubungan Sesama Kita,
Semoga Gembira Di Hari Yang Mulia Ini,
Salah Dan Silap Harap Dimaafkan.
Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin.

pusatsukanuthm [Pusat Sukan UTHM-PSU](https://pusat.sukan.uthm.edu.my) sukan.uthm.edu.my

UTMH
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**KELAS
RENANG UTHM
2022**

RM150
PELAJAR, STAF & TANGGUNGAN STAF

RM170
ORANG AWAM

KELAS PADA SETIAP SABTU

4 SESI (1 JAM PER SESI)
BORANG PENDAFTARAN
shorturl.at_jvM06

KATEGORI :
KANAK-KANAK (7-12 TAHUN)
DEWASA LELAKI
DEWASA WANITA

PEMBAYARAN BOLEH DIBUAT MELALUI
AKAUN BENDAHARI UTHM
0107.00090007716 - BANK MUAMALAT

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI
011 23319676 (EN. SADDAM)
016 7182767 (PN. TUAN NORAINI)

DAFTAR DI SINI

pusatsukanuthm [Pusat Sukan UTHM-PSU](https://pusat.sukan.uthm.edu.my) sukan.uthm.edu.my

UTMH
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tahukah Anda ?

[PUSAT SUKAN UTHM - PSU](https://pusat.sukan.uthm.edu.my)
[@pusatsukanuthm](https://pusatsukanuthm)
<https://sukan.uthm.edu.my>

"Tahukah anda bahawa Sukan Olimpik ditunda buat kali pertama pada tahun 2020 akibat pandemik Covid-19 sejak ia mula diadakan pada tahun 1896."

UTMH
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

TAHUKAH ANDA ?

"Tahukah anda sukan Boccia dan Goalball merupakan sukan yang hanya dipertandingkan di Sukan Paralimpik sahaja."

[PUSAT SUKAN UTHM - PSU](https://pusat.sukan.uthm.edu.my)
[@pusatsukanuthm](https://pusatsukanuthm)
<https://sukan.uthm.edu.my>

UTMH
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

TAHUKAH ANDA ?

Tahukah anda bahawa pasukan terjun Malaysia berjaya merangkul semua pingat emas dalam semua kategori acara terjun di Sukan Sea 2021 Hanoi, Vietnam.

READ MORE

[PUSAT SUKAN UTHM - PSU](https://pusat.sukan.uthm.edu.my)
[@PUSAT SUKAN UTHM](https://pusatsukanuthm)
<https://sukan.uthm.edu.my>

UTMH
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

TAHUKAH ANDA ?

Tahukah anda bahawa pemain bola jaring Malaysia, An Najwa Azizan menjadi pemain bola jaring pertama bermain untuk kelab luar negara iaitu Kelab Bola Jaring Greater Western Sydney di Australia.

[PUSAT SUKAN UTHM](https://pusat.sukan.uthm.edu.my) [@pusatsukanuthm](https://pusatsukanuthm) <https://sukan.uthm.edu.my>

POSTER KELUARAN PUSAT SUKAN UNIVERSITI BAGI BULAN MEI-JUN 2022



TAHUKAH ANDA ?

Tahukah anda bahawa Malaysia tampil memperkenalkan sukan baru buat pertama kali iaitu luncur ais dan hoki ais di Sukan Sea Kuala Lumpur pada tahun 2017.



PUSAT SUKAN UTHM - PSU



@pusatsukanuthm



<https://sukan.uthm.edu.my>



Diterbitkan oleh :

BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK, KORPORAT & FASILITI
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537449

Fax: 07 - 4536581